

KONSTRUKTIVISME SOSIAL DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-TURKIYE: SINERGI IDENTITI ISLAM DAN KERJASAMA EKONOMI KONTEMPORARI

(SOCIAL CONSTRUCTIVISM IN MALAYSIA-TURKEY RELATIONS: SYNERGY OF ISLAMIC IDENTITY AND CONTEMPORARY ECONOMIC COOPERATION)

RADZI, M. S. M.^{1*} – IDRIS, A.¹

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: shaukhiradzi[at]gmail.com*

(Received 27th March 2026; revised 20th May 2026; accepted 29th May 2026)

Abstrak. Artikel ini mengkaji dinamika hubungan dua hala antara Malaysia dan Türkiye dalam tempoh 2000 hingga 2018 dengan mengaplikasikan Teori Konstruktivisme sosial. Berbeza dengan teori realisme atau liberalisme tradisional yang menekankan aspek kekuasaan material semata-mata, kajian ini menghuraikan bagaimana norma sosial, nilai keagamaan (Islam), dan ikatan sejarah lampau membina identiti dan kepentingan nasional bersama kedua-dua buah negara. Dalam konteks hubungan ekonomi, solidariti Islam diterjemahkan secara praktikal melalui penglibatan aktif dalam organisasi multilateral seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kumpulan Lapan Negara Membangun, yang seterusnya merencanakan kerjasama dalam industri makanan halal, pelancongan Islam, serta pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan luar negara (DIA). Dengan menggunakan kaedah kualitatif pendekatan sejarah-diplomatik dan reka bentuk triangulasi data (sumber primer, sekunder, dan temu bual informan utama), artikel ini menunjukkan bahawa pembinaan identiti bersama berasaskan gagasan ummah mampu memacu kerjasama ekonomi konkrit dan mengurangkan kebergantungan terhadap kuasa-kuasa ekonomi Barat. Hal ini memperkukuh kedudukan strategik kedua-dua negara tersebut.

Katakunci: *hubungan Malaysia-Turkiye, teori konstruktivisme, industri halal, pelancongan Islam, pelaburan dua hala*

Abstract. This article examines bilateral relations between Malaysia and Türkiye from 2000 to 2018 by applying Social Constructivism Theory. Unlike traditional realism or liberalism, which emphasises material power, this study explains how social norms, religious values (Islam), and historical ties construct the identities and national interests of both countries. In economic relations, Islamic solidarity is translated into practice through active involvement in multilateral organisations such as the Organisation of Islamic Cooperation (OIC) and the Developing Eight, which promotes cooperation in the halal food industry, Islamic tourism, foreign direct investment (FDI), and direct investment abroad (DIA). Using a qualitative historical-diplomatic approach and a data triangulation design involving primary sources, secondary sources, and interviews with key informants, this article demonstrates that the construction of a shared identity based on the concept of the ummah can drive economic cooperation and reduce dependence on Western economic powers. This strengthens the strategic position of both countries.

Keywords: *Malaysia-Turkiye relations, constructivism theory, halal industry, Islamic tourism, bilateral investment*

Pengenalan

Hubungan dua hala antara Malaysia dan Türkiye mencerminkan dinamika kerjasama ekonomi yang dipacu oleh dasar ekonomi terbuka kedua-dua buah negara melalui aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa (Mohd Radzi et al., 2023). Bagi Malaysia, usaha membina hubungan positif ini diperkukuhkan menerusi keahlian aktif

dalam Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) serta pelaksanaan siri Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dengan pelbagai negara rakan dagang (Mohd Radzi et al., 2023). Di pihak Türkiye pula, pasaran eksport dan pelaburannya mula dikembangkan secara agresif ke negara-negara Asia sejak dekad 1990-an dengan menempatkan Malaysia sebagai salah satu destinasi utama di rantau Asia Tenggara. Jalinan ekonomi yang erat ini mencapai kemuncaknya melalui pemeteraian Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (MTFTA) pada 17 April 2014, yang secara rasmi meletakkan Malaysia sebagai rakan dagang utama Türkiye dengan jumlah perdagangan dua hala yang signifikan (Çolakoğlu, 2021).

Walau bagaimanapun, analisis terhadap dasar luar dan kerjasama ekonomi ini tidak memadai sekiranya sekadar bersandarkan kepada teori konvensional yang berteraskan materialistik; di sinilah Teori Konstruktivisme menawarkan lensa penganalisisan yang lebih tuntas. Diperkenalkan oleh Nicholas Onuf, Konstruktivisme mencabar teori neorealisme dan neoliberal dengan menegaskan bahawa interaksi antarabangsa tidak hanya ditentukan oleh isu anarki atau agihan kuasa material semata-mata, sebaliknya dicorakkan oleh faktor-faktor sosial seperti idea, budaya, identiti, dan aturan norma kolektif (Yazid, 2013). Hubungan antara Malaysia dan Türkiye terbukti dibina atas asas norma sosial bukan material (non-material) yang utuh, iaitu berpaksikan perkongsian identiti agama Islam dan ikatan sejarah ummatik yang telah terjalin sejak zaman Kesultanan Johor dan Empayar Uthmaniyyah (Mohd Radzi et al., 2020). Di bawah kerangka Konstruktivisme, identiti keagamaan yang dikongsi bersama ini membentuk semula takrifan kepentingan nasional kedua-dua buah negara, membolehkan semangat persaudaraan Islam (ummatik) diterjemahkan kepada bentuk komitmen pelaburan dan kerjasama ekonomi yang konkrit.

Sinergi berasaskan identiti ummatik ini terjelma dengan jelas melalui pakatan strategik dalam pasaran produk halal global dan industri pelancongan Islam di bawah platform Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8). Pada tahun 2009, kedua-dua negara mencapai persetujuan bersejarah di bawah Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Komersial OIC (COMCEC) untuk menerajui usaha pengharmonian standard halal global demi mendominasi pasaran yang kini bernilai trilion ringgit (Basri, 2009). Selain itu, pengukuhan dalam sektor pelancongan Islam yang disokong oleh penyediaan infrastruktur patuh Syariah, agensi pelancongan halal, serta hospitaliti mesra Muslim telah menjadi pemacu penting kepada penjaan pendapatan negara serta mobiliti sosial masyarakat kedua-dua belah pihak (Mapjabil et al., 2015; Duman, 2011). Melalui integrasi industri halal dan pelancongan Islam ini, Malaysia dan Türkiye berjaya membuktikan bahawa konsep ummah dalam konteks moden bukanlah sekadar retorik spiritual yang abstrak, sebaliknya merupakan satu jaringan ekonomi operasi yang dinamik, berdaya tahan, dan saling melengkapi (Faqih, 2021).

Kajian literatur

Kajian mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dan Türkiye pada abad ke-21 mendedahkan dinamika pelbagai dimensi yang merangkumi aspek politik, ekonomi, dan budaya (Durmaz dan Shukri, 2019). Menurut kajian mereka, hubungan ini tidak bersifat statik sebaliknya berkembang mengikut perubahan dasar luar dan kepentingan nasional yang dipengaruhi oleh situasi politik antarabangsa yang dinamik. Terdapat beberapa faktor utama yang mencorakkan hubungan ini, di mana selain daripada tekanan sistem antarabangsa dan geoekonomi, persamaan nilai bersama (shared values) seperti agama

Islam, budaya, dan sejarah bertindak sebagai asas sosial yang amat penting. Pengaruh nilai keagamaan yang dikongsi ini membolehkan kedua-dua buah negara membina persepsi saling mempercayai, yang membolehkan tindakan luar negara diterjemahkan melampaui kepentingan material semata-mata.

Seterusnya, asas teoritis bagi solidariti keagamaan ini diperkukuhkan melalui perbincangan tentang konsep ummah dalam konteks moden yang jauh melampaui batasan sempadan geopolitik konvensional (Faqih, 2021). Berbeza dengan kerangka negara-bangsa moden yang secara rigid menghadkan hubungan manusia berasaskan wilayah, etnik, dan sejarah politik setempat, konsep ummah menawarkan sebuah komuniti global yang bebas daripada dimensi spatial nasionalisme dan teritorialisme. Islam melihat kepelbagaian budaya dan bangsa sebagai pemangkin positif untuk pengayaan sosial dan pembangunan manusia, bukannya faktor pemisah. Dalam dimensi ekonomi kontemporari, konsep ummah ini tidak lagi sekadar menjadi idealisme spiritual yang abstrak, sebaliknya telah dioperasikan sebagai rangkaian ekonomi yang praktikal melalui usaha sama strategik dalam pasaran halal dan pelancongan Islam antara Malaysia dan Türkiye.

Dalam membincangkan wadah institusi bagi penterjemahan idea ummah ini, kajian oleh Kayadibi (2015) menekankan kepentingan membina perkongsian strategik dua hala dalam kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Türkiye dan Malaysia, sebagai dua buah negara Islam yang berpengaruh, telah mengusahakan pelbagai platform rasmi termasuk pembentukan Suruhanjaya Kerjasama Ekonomi Bersama (JEC) dan Majlis Perniagaan Turki-Malaysia bagi meningkatkan hubungan komersial. Walau bagaimanapun, analisis beliau turut mendedahkan lompang dalam model pembangunan ekonomi terdahulu yang sering kali gagal memelihara nilai-nilai Islam yang berkaitan dengan keadilan sosial. Oleh yang demikian, strategi pertumbuhan berorientasikan eksport telah mendorong kedua-dua buah negara untuk terus meneroka rakan dagang baharu yang berkongsi nilai identiti keagamaan yang sama demi mengimbangi kelemahan model ekonomi konvensional.

Selain daripada OIC, platform Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) turut memainkan peranan kritikal dalam memajukan integrasi ekonomi berasaskan identiti kolektif ini, seperti yang dianalisis oleh Almasi (2012). Dengan populasi terkumpul yang menghampiri satu bilion, negara-negara anggota D-8 memiliki potensi makroekonomi yang luar biasa dengan menyumbang lebih daripada 14% populasi dunia dan lebih 3.8% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global. Walau bagaimanapun, kajian literatur mendedahkan cabaran di mana kadar pertumbuhan transaksi perdagangan negara anggota dengan negara di luar kelompok didapati lebih tinggi berbanding transaksi intra-kumpulan. Hal ini menunjukkan keperluan mendesak bagi anggota penting seperti Malaysia dan Türkiye untuk mengoptimumkan sumber ekonomi mereka secara dua hala demi mengurangkan jurang perdagangan dan memaksimumkan sumbangan sektor perkhidmatan dan industri yang membentuk majoriti KDNK negara-negara D-8.

Jelasnya kerjasama ekonomi dan pelaburan dua hala ini tidak boleh dipisahkan daripada realiti sistemik antarabangsa yang dikuasai oleh kuasa-kuasa besar Barat, yang menuntut pembentukan konsep "keselamatan kolektif" dalam kalangan negara Islam (Yazid, 2013). Menurut analisis beliau, dominasi unilateral Barat dalam aspek ekonomi dan ketenteraan global mewujudkan ketidakseimbangan kuasa yang mendedahkan negara-negara umat Islam kepada pelbagai tekanan luaran. Atas dasar itu, kerjasama strategik "politik tinggi" (high politics) seperti pemindahan teknologi pertahanan dan

pembuatan peralatan ketenteraan Bersama misalnya kerjasama antara syarikat FNSS Turki dan DefTech Malaysia adalah sangat kritikal. Jalinan ini bukan sekadar mengejar keuntungan komersial, tetapi berfungsi sebagai langkah berstruktur untuk mengurangkan kebergantungan ketara umat Islam kepada rantai bekalan ketenteraan Barat serta mewujudkan sistem pertahanan ummah yang lebih berdaya tahan dan mandiri.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif yang berteraskan kaedah sejarah-diplomatik untuk meneliti jalinan kerjasama ekonomi dan pelaburan dua hala antara Malaysia dan Türkiye. Fokus utama penyelidikan ini tertumpu secara khusus kepada inisiatif-inisiatif ekonomi yang digerakkan di bawah naungan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), kerangka kerja Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Komersial (COMCEC), dan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8). Secara kronologinya, kajian sejarah diplomatik ini mengehendkan skop penganalisisannya dari tahun 2000 hingga 2018 bagi meneliti fasa penting perkembangan aktiviti pelaburan langsung asing, dinamika pasaran halal global, serta sektor pelancongan Islam antara kedua-dua buah negara. Bagi menjamin keabsahan, kebolehpercayaan, dan kedalaman analisis akademik, reka bentuk triangulasi data diaplikasikan bagi menyatupadukan data primer, data sekunder, dan pandangan langsung daripada informan-informan utama yang berwibawa.

Seterusnya, pengumpulan data primer dalam metodologi sejarah diplomatik ini bersandar secara langsung kepada rekod rasmi daripada pangkalan data statistik negara dan laporan agensi kerajaan kedua-dua pihak. Ini termasuklah dokumen daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Türkiye, serta Institut Statistik Turki (TUIK). Data empirikal ini kemudiannya diperkukuhkan melalui analisis arkib media kontemporari dan akhbar utama kedua-dua buah negara seperti Bernama, Berita Harian, Sinar Harian, dan Hurriyet Daily News, serta dokumen korporat seperti kenyataan akhbar Khazanah Nasional dan Laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Sebaliknya, sumber sekunder pula merangkumi buku akademik, artikel jurnal serta penulisan sejarah ekonomi yang memperincikan trajektori industri halal dan rantai pelancongan Islam di Malaysia dan Türkiye. Kaedah kualitatif ini disempurnakan lagi dengan pelaksanaan sesi temu bual bersama tokoh-tokoh utama dan informan berwibawa seperti mantan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta pemimpin pertubuhan Islam bagi mendapatkan perspektif sejarah lisan yang lebih mendalam mengenai evolusi dasar luar kedua-dua negara.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Identiti keagamaan dan kerangka konstruktivisme sosial dalam hubungan ekonomi

Teori konstruktivisme sosial yang diasaskan oleh Nicholas Onuf menekankan bahawa interaksi antarabangsa dicorakkan secara signifikan oleh faktor-faktor bukan material (non-material) seperti identiti, idea, budaya, dan norma sosial kolektif, bukannya ditentukan secara eksklusif oleh agihan kuasa material atau anarki sistemik.

Melalui lensa konstruktivis, hubungan diplomatik dan ekonomi antara Malaysia dan Türkiye tidak wujud dalam ruang vakum, sebaliknya diselimuti oleh persamaan nilai bersama (*shared values*) yang berteraskan identiti agama Islam dan ikatan sejarah silam (Durmaz dan Shukri, 2019). Perkongsian identiti keagamaan ini bertindak sebagai norma sosial utama yang membentuk semula takrifan kepentingan nasional sesebuah negara. Senario ini membolehkan konsep ummah dalam konteks kontemporari iaitu sebuah komuniti global berasaskan ideologi spiritual yang merentasi batasan spatial negara-bangsa moden yang rigid dioperasikan secara praktikal ke dalam bentuk jaringan kerjasama ekonomi (Faqih, 2021). Hasilnya, nilai keagamaan bersama ini berfungsi sebagai pemangkin sosial yang membina persepsi saling mempercayai, sekali gus memudahkan pembentukan pakatan pelaburan strategik yang melampaui matlamat komersial jangka pendek semata-mata.

Penterjemahan praktikal idea persaudaraan ummah ini dalam sektor pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung luar negara (DIA) disokong oleh institusi pelbagai hala serta perubahan dasar luar yang dipengaruhi oleh kepimpinan politik (Mohd Radzi et al., 2023). Melalui platform antarabangsa seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8), kedua-dua negara komited membina perkongsian komersial yang berdaya maju menerusi mekanisme rasmi termasuk penubuhan Suruhanjaya Kerjasama Ekonomi Bersama (JEC) (Kayadibi, 2015; Almasi, 2012). Perkembangan ini dirancakkan lagi oleh perubahan dasar luar Turki yang menekankan pendekatan ummatik di bawah kepimpinan Presiden Recep Tayyip Erdogan, yang secara strategik memberikan penekanan kepada pemberian peluang ekonomi dan pelaburan kepada rakan sekutu negara Islam (Mohd Radzi et al., 2023). Kepercayaan sosial yang tinggi ini memudahkan kemasukan pelaburan berskala besar dari Malaysia ke Türkiye, termasuklah pemilikan penuh Lapangan Terbang Antarabangsa Sabiha Gokcen oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) (Zakariah, 2017), pelaburan USD1.1 bilion oleh Khazanah Nasional dalam rangkaian hospital swasta Acibadem Group, serta pengambilalihan 90% saham Acibadem Sigorta bernilai USD252 juta oleh Avicennia Capital (Khazanah Nasional Berhad, 2014). Mengikut aliran konstruktivisme, kemudahan dan kejayaan pelaburan rentas sempadan ini merupakan manifestasi konkrit bagi penghargaan dan solidariti ummatik antara aktor ekonomi dunia Islam (Mohd Radzi et al., 2023).

Di samping itu, konsep "keselamatan kolektif" (*collective security*) dalam kerangka konstruktivisme turut diterjemahkan secara nyata ke dalam pelaburan sektor industri pertahanan dan perindustrian hiliran (Yazid, 2013). Kerjasama strategik yang menyentuh aspek "politik tinggi" (*high politics*) sangat kritikal untuk mengurangkan kebergantungan sistemik dunia Islam terhadap dominasi ketenteraan dan pasaran Barat (Yazid, 2013). Sinergi unik ini terbukti menerusi pelaburan dan pemindahan teknologi sensitif antara syarikat pertahanan FNSS (Türkiye) dan DefTech (Malaysia) untuk menghasilkan kenderaan tempur perisai ACV-300 Adnan bagi kegunaan pertahanan Malaysia (Mohd Radzi et al., 2023; Alsoofi, 2016). Sejajar dengan itu, pelaburan langsung asing Turki di Malaysia, seperti pembinaan kilang oleokimia gergasi bernilai USD85 juta oleh Evyap Sabun di Tanjung Langsat, Johor, turut diperkukuh apabila kerajaan Turki mengiktiraf Malaysia sebagai pintu masuk utama produk mereka untuk menembusi pasaran rantau ASEAN (MIDA, 2014). Rangkaian pelaburan pertahanan dan hiliran yang berimpak tinggi ini membuktikan bahawa perkongsian identiti Islam membolehkan kedua-dua negara menterjemahkan idealisme spiritual persaudaraan

ummah kepada struktur ekonomi yang mandiri dan berdaya tahan (Mohd Radzi et al., 2023; Faqih, 2021).

Konstruksi identiti Ummah dan pembentukan kesedaran pasaran halal global

Dalam konteks jalinan bilateral antara Malaysia dan Türkiye, hubungan erat dalam aspek ekonomi tidak berkembang dalam ruang vakum, sebaliknya diselimiuti oleh persamaan nilai bersama (shared values) yang bersandarkan kepada identiti keagamaan Islam serta ikatan sejarah silam yang mendalam (Durmaz dan Shukri, 2019). Melalui kacamata konstruktivis, perkongsian identiti keagamaan ini berjaya merekonstruksi "kepentingan nasional" kedua-dua buah negara, di mana perluasan pasaran halal global tidak lagi ditafsirkan sebagai usaha memaksimumkan keuntungan komersial konvensional semata-mata, sebaliknya diangkat sebagai satu bentuk tanggungjawab spiritual (spiritual obligation) untuk memenuhi prinsip-prinsip syariah secara kolektif (Mohd Radzi et al., 2023; 2020). Norma sosial keagamaan yang dikongsi ini bertindak sebagai pemangkin utama yang memupuk kepercayaan timbal balik yang tinggi, sekali gus mempermudah pembentukan pakatan strategik bagi meluaskan pasaran halal antara kedua-dua buah negara.

Seterusnya, konsep ummah dalam konteks moden bertindak sebagai ejen penyatu universal yang merentasi sempadan teritorial negara-bangsa yang rigid, membolehkan semangat persaudaraan Islam (ummatik) diterjemahkan secara praktikal menjadi rangkaian ekonomi yang sistematik dan beroperasi (Faqih, 2021). Penerjemahan idea persaudaraan ummah ini kepada kerjasama konkrit dalam perluasan pasaran halal dilaksanakan menerusi penglibatan aktif Malaysia dan Türkiye dalam institusi pelbagai hala seperti Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8). Berteraskan kesedaran untuk meningkatkan keselamatan makanan dan daya tahan ekonomi umat Islam, kedua-dua negara mencapai persetujuan bersejarah pada tahun 2009 di bawah Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Komersial OIC (COMCEC) untuk menerajui usaha pengharmonian standard halal global yang bersatu (Basri, 2009). Komitmen institusi ini menyerlahkan bagaimana Konstruktivisme berdasarkan Islam mendorong kedua-dua negara bekerjasama mengekang dominasi negara bukan Islam dalam rantai bekalan halal dunia serta mengurangkan kadar kebergantungan import negara OIC yang amat tinggi terhadap pasaran luar (Basri, 2009).

Akhir sekali, sinergi konstruktif ini dimanifestasikan secara empirikal melalui penggabungan keunikan kepakaran institusi perintis Malaysia dan kelebihan teknologi penyelidikan dari Türkiye demi memelihara integriti rantai bekalan halal sejagat (Mohd Fauzi et al., 2020; MAMPU, 2012). Malaysia diiktiraf di peringkat global sebagai hab pengetahuan dan perniagaan halal antarabangsa melalui kepemimpinan sistem pensijilan halal yang sistematik di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejak dekad 1970-an (Mohd Fauzi et al., 2020; MAMPU, 2012). Sebaliknya, Türkiye menawarkan kedudukan geostrategik yang menghubungkan pasaran Eropah dan Asia Tengah yang disokong padu oleh kemajuan bioteknologi tinggi yang dibangunkan oleh Majlis Penyelidikan Saintifik dan Teknologi Türkiye (TÜBİTAK), termasuk inovasi ujian diagnostik pantas lima minit untuk mengesan asid deoksiribonukleik (DNA) babi dalam makanan. Integrasi antara kewibawaan kawal selia JAKIM dan sokongan inovasi bioteknologi TÜBİTAK membuktikan bahawa hubungan diplomatik berteraskan konstruktivisme Islam berupaya menukarkan

idealisme spiritual persaudaraan ummah kepada satu ekosistem pasaran halal fizikal yang berdaya tahan, mandiri, dan berintegriti tinggi (Faqih, 2021).

Warisan ketamadunan Islam sebagai pemangkin tarikan spiritual dan mobiliti pelancong

Penterjemahan praktikal nilai solidariti ummah ini dalam sektor pelancongan Islam disokong oleh pelaksanaan empat komponen utama pembangunan pelancongan halal Al-Hamarneh, yang merangkumi aspek ekonomi, kebudayaan, dan pemeliharaan amalan keagamaan (Mapjabil et al., 2015). Komponen-komponen ini telah diimplementasikan secara berkesan oleh kedua-dua buah negara untuk menyediakan persekitaran mesra Muslim yang berdaya saing. Türkiye memanfaatkan khazanah warisan sejarah kegemilangan Empayar Seljuk dan Uthmaniyyah untuk menawarkan tarikan spiritual yang tinggi, yang berjaya menarik minat pengembara Muslim global terutamanya dari Malaysia di mana dianggarkan 40% hingga 60% pelancong Malaysia ke Türkiye merupakan etnik Melayu beragama Islam (Sinar Harian, 2016). Sebaliknya, Malaysia mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pilihan utama dengan mempromosikan imej negara Islam yang aman dan moden, serta menyepadukan ciri seni bina dan infrastruktur Islam yang kondusif bagi memenuhi keperluan pelancong Muslim dari Türkiye dan seluruh dunia.

Sinergi konstruktif ini turut diperkukuh melalui inisiatif dasar luar institusi dan pelan strategik berstruktur bagi memperluas rangkaian hospitaliti patuh Syariah (Tourism Malaysia, 2011). Menurut Duman (2011), pengenalan standard pelancongan halal yang sistematik seperti penyediaan agensi pelancongan halal, makanan halal terjamin, serta kemudahan ibadah semasa Ramadan telah meningkatkan daya tarikan Türkiye di kawasan Aegean seperti Afyonkarahisar. Di peringkat diplomatik, usaha memperluas pasaran ini digerakkan secara aktif menerusi pembukaan semula pejabat Tourism Malaysia di Istanbul pada tahun 2011 serta cadangan penambahan penerbangan terus oleh Malaysia Airlines dan Turkish Airlines bagi mengoptimumkan kesalinghubungan pengangkutan. Walaupun terdapat cabaran asimetri dalam aliran pelancong bilateral di mana pada tahun 2018 pelawat Malaysia ke Türkiye (95,000 orang) jauh melebihi pelawat Turki ke Malaysia (15,409 orang) kepercayaan sosial yang tinggi berteraskan identiti Islam bersama ini tetap bertindak sebagai pemangkin dinamik dalam memperkasakan ekosistem pelancongan Islam yang mampan dan mandiri bagi kedua-dua negara.

Perluasan aspek pelancongan Islam ini turut dioptimumkan melalui komitmen dasar luar yang progresif serta diversifikasi produk pelancongan yang melangkaui sekadar lawatan kebudayaan tradisional. Sebagai contoh, usaha proaktif kerajaan Malaysia untuk merapatkan jurang asimetri aliran pelancong dizahirkan menerusi pembukaan semula pejabat Tourism Malaysia di Istanbul pada tahun 2011 oleh Menteri Pelancongan, Dr. Ng Yen Yen, bagi memasarkan Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim yang aman, moden, dan berbilang budaya secara lebih agresif kepada masyarakat Turki. Inisiatif strategik ini disokong rapat oleh dasar pelaburan terbuka Malaysia yang membenarkan pemilikan ekuiti asing sepenuhnya dalam industri perkhidmatan terpilih bagi menarik pelabur pelancongan dari Türkiye, di samping usaha mempertingkatkan kesalinghubungan pengangkutan udara melalui rundingan penambahan penerbangan terus oleh Malaysia Airlines dan Turkish Airlines (Tourism Malaysia, 2011).

Sejajar dengan itu, kerajaan Türkiye melalui Pelan Strategik Pelancongan Halal telah mula mempelbagaikan tawarannya secara meluas dengan menerokai sektor pelancongan perubatan halal (halal medical tourism) yang berimpak tinggi, merangkumi rawatan bertaraf teknikal seperti pemindahan organ, rawatan pergigian, pembedahan oftalmik, dan pemindahan rambut di bandar-bandar utama seperti Istanbul, Ankara, Antalya, dan İzmir (Mapjabil et al., 2015). Melalui kepelbagaian produk dan pengukuhan kerjasama institusi ini, Malaysia dan Türkiye berjaya membuktikan secara empirikal bahawa Konstruktivisme yang berpaksikan Islam mampu menterjemahkan idealisme ummah yang universal kepada bentuk rangkaian nilai pelancongan global yang dinamik, komprehensif, dan saling melengkapi (Faqih, 2021).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, analisis berasaskan Teori Konstruktivisme ini menunjukkan bahawa sektor pelaburan strategik, perluasan pasaran halal global, dan pembangunan pelancongan Islam antara Malaysia dan Türkiye bukanlah entiti ekonomi yang terasing, sebaliknya merupakan komponen yang saling melengkapi dalam membentuk satu ekosistem ekonomi ummah yang bersepadu. Melalui kesedaran identiti keagamaan yang dikongsi bersama, kedua-dua buah negara telah berjaya menterjemahkan konsep ummah yang dahulunya dianggap sebagai idealisme spiritual abstrak kepada jaringan operasi ekonomi yang praktikal, dinamik, dan berdaya tahan di pentas global. Sinergi ini bukan sahaja meningkatkan kemandirian ekonomi kedua-dua buah negara melalui pelaburan berimpak tinggi dalam sektor kesihatan, pengangkutan, pertahanan, dan perindustrian hiliran, tetapi juga memperkukuh keselamatan rangkaian bekalan makanan serta memelihara amalan keagamaan melalui penyatuan standard halal global dan penyediaan hospitaliti mesra Muslim yang komprehensif. Keberhasilan kerjasama pelbagai dimensi ini membuktikan secara empirikal bahawa jalinan hubungan bilateral yang berteraskan norma sosial Islam mampu bertindak sebagai pemangkin utama untuk mengurangkan kebergantungan sistemik dunia Islam terhadap dominasi kuasa luar, sekali gus menetapkan satu tanda aras baharu dalam tata kelola dan perluasan ekonomi Islam sejagat.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Almasi, H. (2012): Investigating status of Developing Eight (D8) countries' macroeconomic indices in line with developing economic cooperation with Iran. – *African Journal of Business Management* 6(20): 6166-6176.
- [2] Alsoofi, M. (2016): Exclusive interview with Turkish Ambassador to Malaysia: Başak Türkoğlu. – *ASWAQ Magazine* 4p.

- [3] Basri, N.B. (2009): Malaysia and Turkey to jointly develop halal standards for OIC nations. – *Bernama* 1p.
- [4] Çolakoğlu, S. (2021): Turkey's engagement with Southeast Asia. – *Middle East Institute Official Portal* 7p.
- [5] Duman, T. (2011): Value of Islamic tourism offering: Perspectives from the Turkish experience. – Paper presented at the World Islamic Tourism Forum 2011, Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur 18p.
- [6] Durmaz, F., Shukri, S. (2019): Turkey-Malaysia relations in the 21st century. – *Bölgesel Araştırmalar Dergisi* 3(1): 115-148.
- [7] Faqih, M. (2021): Konsep ummah dan rakyat dalam pandangan Islam. – *Al-'Adalah* 24(1): 19-28.
- [8] Kayadibi, S. (2015): Economic cooperation among OIC countries: A case study of Turkey and Malaysia. – *Journal of Emerging Economies and Islamic Research* 3(2): 29-45.
- [9] Khazanah Nasional Berhad (2014): Khazanah's investments in Turkey underscore strong bilateral and commercial relations between Malaysia and Turkey. – *Media Statement, Ankara* 3p.
- [10] Malaysian Investment Development Authority (MIDA) (2014): Malaysia businesses urged to expand ties with Turkey-Najib. – *MIDA Official Portal* 82p.
- [11] Mapjabil, J., Abd Razak, R.R., Marzuki, M., Mohd Zainol, R. (2015): Pelancongan Islam: Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia. – *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 11(1): 172-182.
- [12] Mohd Fauzi, N., Hashim, N.I., Ab Rahman, M.F., Wan Hassin, W.S., Shah Shahar, W.S. (2020): Halal economic: Challenges and emerging opportunities in Malaysia. – *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance* 1(1): 29-37.
- [13] Mohd Radzi, M.S., Esa, M.S., Othman, Z. (2023): The Ummatic elements in Malaysia-Turkey economic cooperation: A study on investment aspects. – *BASKARA: Journal of Business and Entrepreneurship* 5(2): 123-135.
- [14] Mohd Radzi, M.S., Esa, M.S., Othman, Z. (2020): Elemen Pan-Islamisme dalam hubungan Empayar Uthmaniyyah dengan Kerajaan Kesultanan Johor dari abad ke-18 Masihi hingga Perang Dunia Pertama. – *Jurnal Kinabalu* 26(2): 23-49.
- [15] Sinar Harian (2016): Jumlah pelancong ke Turki menurun. – *Sinar Harian Official Portal* 1p.
- [16] Tourism Malaysia (2011): Tourism Malaysia to re-open its Istanbul office. – *Media release, Communications and Publicity Division, Tourism Malaysia*, 18 November 2011 2p.
- [17] Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2012): Inisiatif dan impak pelaksanaan Focus Group Pengurusan Pensijilan Halal. – *MAMPU, Putrajaya* 30p.
- [18] Yazid, M.N. (2013): Hubungan antarabangsa: Analisis sistemik dan domestik. – *Eduserve Resources, Kota Bharu* 200p.
- [19] Zakariah, Z. (2017): MAHB open to offers to buy a stake in Istanbul airport. – *New Straits Times* 1p.